

NO. SOALAN: 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 19 MEI 2015

RUJUKAN : 7860

SOALAN:

**Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan berapakah anggaran jumlah Pendatang
Asing Tanpa Izin (PATI) yang terdapat di Limbang dan berapakah
kekerapan operasi-operasi dan penangkapan PATI yang telah
dilakukan?**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang terdapat di Limbang tidaklah dapat ditentukan atau dianggarkan dengan tepat. Namun demikian, daripada kedudukan geografi yang strategik iaitu di antara dua wilayah Brunei Darussalam dan Malaysia, kehadiran warga asing di Limbang tentunya berada dalam keadaan terkawal.

Ini adalah kerana kedua-dua negara saling meningkatkan kerjasama dan berkongsi maklumat mengenai hal-hal keimigresenan. Selain daripada itu, kedua-dua negara juga berkongsi maklumat pergerakan orang yang melalui kedua-dua wilayah termasuk ancaman PATI.

Kepentingan bersama ini sentiasa terjalin dari semasa ke semasa. Di samping itu, empat (4) buah ICQS di bahagian ini iaitu di Tedungan, Pandaruan dan Mengkalap serta pintu masuk melalui laut di Dermaga Kastam, Limbang mampu mengawal dan memberikan kemudahan dalam pergerakan keluar masuk di Limbang, Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak Brunei Darussalam turut memberikan keutamaan kepada keselamatan wilayah mereka. Dalam tahun 2014, Jabatan Imigresen Malaysia di Bahagian Limbang Sarawak telah melaksanakan sebanyak 5 operasi dan telah berjaya menangkap seramai 25 orang PATI.

Sementara itu, pada tahun 2015 sehingga April, sebanyak empat (4) operasi telah dijalankan dan sebanyak tujuh (7) orang PATI telah ditangkap. Sebelum Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak menguruskan pengusiran mereka daripada Sarawak, butiran mereka juga akan direkod serta disenaraihitamkan.

Walaupun kedudukan geografi dan bentuk muka bumi Sarawak yang mempunyai sempadan yang panjang dan berjiran dengan negara Brunei Darussalam, pihak Imigresen di kedua-dua negara akan terus memberi perhatian serius dalam memantau dan mengawal pergerakan keluar masuk di Bahagian Limbang, Sarawak.